



جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَالِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PANDUAN AMALAN DI BULAN RAMADHAN

Susunan
SARIP BIN ABDUL

Dicerak daripada e-SIRAJ JAKIM

28-09-26 09:09:35

PANDUAN AMALAN DI BULAN RAMADHAN

Susunan

Sarip bin Abdul
Kulliyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

جائزہ کما جوائز اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Bahan cetakan ini mengandungi ayat al-Quran.
Jangan pijak/langkah

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

28-09-26 09:09:35

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Cetakan Pertama 2000
Cetakan Kedua 2002
Cetakan Ketiga 2003
Cetakan Keempat 2007
Cetakan Kelima 2009
Cetakan Keenam 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Diterbitkan oleh

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya
www.islam.gov.my
www.facebook.com/kedaibukujakim

Aturhuruf dan cetakan oleh

VISUAL PRINT SDN. BHD.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9108 3966, 9108 2420
Faks: 03-9108 3669

KANDUNGAN

Puasa	1
Pengertian	1
Fadhilat Puasa dan Bulan Ramadhan	1
Di manakah Kedudukan Puasa Kita?	7
Hukum Mengerjakan Puasa	9
Amaran kepada Orang yang Meninggalkan Puasa	10
Rukun Puasa	10
Adab-adab dan Sunat Puasa	15
Perkara yang Harus ketika Berpuasa	17
Perkara yang Makruh ketika Berpuasa	18
Qiamullail dan Solat Tarawih	19
Rakaat Solat Tarawih	21
Kelebihan Malam Sepuluh Terakhir Ramadhan dan Lailatul Qadar	23
Bilakah Lailatul Qadar?	25
Zakat Fitrah	27
Siapa yang Wajib Membayar Zakat Fitrah	28
Waktu Membayar Zakat Fitrah	28
Kadarnya	28
Qadha' dan Fidyah Puasa	29
Qadha' Puasa Bagi yang Meninggalkannya kerana Hamil atau Menyusukan Anak	29
Hukum Orang yang Mati dan Belum Sempat Mengqadha'kan Puasanya	30
Fidyah	31
Ringkasan	32
Puasa Sunat Enam Hari dalam Bulan Syawal	32
Nota Kaki	34



الصَّيَّامُ PUASA

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi yang mempertemukan kita dengan bulan Ramadhan yang mulia. Tetamu Allah SWT yang cuma datang setahun sekali. Ramadhan kali ini sebenarnya berbeza dengan Ramadhan yang lalu kerana usia kita semakin bertambah. Sebab itulah kita sepatutnya lebih merasai kehangatan Ramadhan kali ini dengan menambahkan amalan dan kebaikan berbanding daripada Ramadhan sebelumnya. Ambillah peluang Ramadhan yang tiba pada tahun ini, kerana besar kemungkinan kita tidak akan menemuinya di tahun hadapan.

■ PENGERTIAN

Puasa (الصَّيَّامُ) dalam bahasa Arab bermaksud meninggalkan. Manakala maksud di sisi ahli Feqah ialah meninggalkan (الْأَمْسَاكُ) diri melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa iaitu bemula daripada terbit fajar hingga terbenamnya matahari dan disertai dengan niat.¹

■ FADHILAT PUASA DAN BULAN RAMADHAN:

Puasa bulan Ramadhan adalah salah satu rukun Islam. Setiap detik sepanjang bulan Ramadhan adalah sebaik-baik masa dan sebaik-baik hari di atas muka bumi ini. Allah SWT telah memberikan kelebihan yang banyak kepada bulan Ramadhan berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Rasulullah SAW, bersabda:

إِذَا كَانَ فِي أَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ صُفِدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَّتِ



الْجَنُّ وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ وَفُتِحَتْ أَبْوَابُ
الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ وَيُنَادِي مُنَادٍ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ وَيَا
بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ، وَلِلَّهِ عُتَقَاءُ مِنَ النَّارِ وَذَلِكَ كُلُّ لَيْلَةٍ.

(رواه الترمذي وابن ماجه)

Ertinya: “Apabila tiba awal malam dalam bulan Ramadhan diikat semua syaitan dan jin-jin yang derhaka, ditutup semua pintu neraka dan tidak dibuka walau satu pintu, dan dibuka pintu-pintu syurga dan tidak ditutup walaupun satu pintu. Penyeru pun menyeru: “Wahai orang yang mengharap kebaikan! Terimalah. Wahai orang yang mengharap kejahatan! Berhentilah, dan (yang ikhlas) kerana Allah SWT dibebaskan daripada api neraka dan (penyeru itu akan menyeru) pada setiap malam Ramadhan”.

(Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Hadith ini menerangkan beberapa keistimewaan bulan Ramadhan, antaranya akan dibuka semua pintu syurga untuk menerima amalan-amalan soleh yang begitu banyak yang dilakukan oleh orang Mukmin pada bulan ini. Begitu juga akan ditutup semua pintu neraka kerana sedikitnya bilangan maksiat yang dilakukan oleh orang Mukmin pada bulan ini. Syaitan-syaitan juga akan diikat apabila tiba bulan Ramadhan.

Kelebihan bulan Ramadhan juga ialah difardhukan puasa di dalamnya. Puasa merupakan setinggi-tinggi amalan bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT dan puasa juga penghapus dosa-dosa atas maksiat yang dilakukan. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: “Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan², akan diampun segala dosa-dosanya yang terdahulu”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Antara keistimewaan puasa juga, Allah SWT akan menggandakan pahala orang-orang yang berpuasa melebihi amalan-amalan lain di mana kadarnya hanya diketahui oleh Allah SWT. Rasulullah SAW telah bersabda:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ
ضَعْفٍ، قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ،
يَدْعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي، لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ عِنْدَ
فِطْرِهِ، وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ، وَلِخُلُوفٍ فِيهِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ
رِيحِ الْمِسْكِ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: “Semua amalan anak Adam digandakan kebbaikannya sepuluh kali ganda serupa dengannya sehingga tujuh ratus kali ganda, Allah SWT berfirman: “Melainkan puasa, kerana ia untuk-Ku dan Aku sendiri yang akan membalasnya, mereka meninggalkan syahwat dan makanannya kerana-Ku”. Bagi orang yang berpuasa akan mendapat dua kegembiraan ketika berbuka puasa dan kegembiraan ketika menemui Tuhannya, dan bau busuk (dari mulut orang yang berpuasa) kerana berpuasa lebih wangi di sisi Allah SWT daripada bau Musk”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ganjaran di akhirat bagi orang yang berpuasa tentunya lebih besar, kerana nikmat dunia walau sebesar mana sekalipun tidak mungkin menyamai sekecil-kecil nikmat akhirat. Rasulullah SAW bersabda:



إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، يُقَالُ: أَيْنَ الصَّائِمُونَ؟
فَيَقُومُونَ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ فَإِذَا دَخَلُوا أُغْلِقَ، فَلَمْ
يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Sesungguhnya di dalam syurga ada satu pintu yang dipanggil 'al-Rayyan', masuk melaluinya orang-orang yang berpuasa pada hari kiamat, tidak boleh masuk melaluinya seseorang pun selain mereka, diseru: "Mana orang-orang yang berpuasa?" maka mereka pun bangun, tidak akan masuk melaluinya seorang pun selain mereka, maka apabila mereka (orang berpuasa) masuk, pintu itu akan ditutup, maka tidak boleh masuk melaluinya seorang pun".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat al-Nasa'i dan Ibnu Huzaimah pula disambung lagi. "Sesiapa yang masuk akan minum, dan sesiapa yang telah minum tidak akan dahaga selama-lamanya".

Antara manfaat yang boleh diperolehi dari ibadat puasa:



Sifat ikhlas

Puasa merupakan ibadah yang paling hampir dengan makna keikhlasan bagi seorang hamba. Ini kerana ibadat puasa merupakan rahsia antara hamba dan Tuhannya. Seorang yang berpuasa boleh berbuka tanpa diketahui oleh orang lain, tetapi kerana ketaqwaannya kepada Allah SWT yang mengetahui zahir dan batinnya, dan kerana mengharapkan pahala dan redha Allah SWT, dia tidak melakukannya. Itulah sebabnya ibadat ini istimewa dari yang lain. Sifat inilah yang paling berharga dalam kehidupan seorang Muslim kerana amalan yang tidak disertai



dengan keikhlasan tidak diterima oleh Allah SWT dan tidak membuahkan hasil.



Mujadalah dan kekentalan jiwa

Puasa memaksa kita meninggalkan keinginan nafsu syahwat walaupun pada perkara yang telah dihalalkan kepada kita untuk melakukannya sebelum Ramadhan. Ini mendidik kita untuk lebih tegas dan meninggalkan perkara yang sememangnya telah diharamkan oleh syariat di luar bulan Ramadhan.



Sabar

Puasa melatih kita bersabar dalam berhadapan dengan keinginan diri dan godaan luaran sepanjang Ramadhan. Sabar seperti ini amat perlu dalam berhadapan dengan segala kemungkinan dan kehidupan.



Memelihara Fizikal

Puasa menyebabkan kita terpaksa memelihara perut, telinga, lidah, tangan dan kaki daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa.



Prihatin dan belas kasihan

Puasa melahirkan rasa prihatin dan belas kasihan kepada fakir miskin, lantaran itulah disyariatkan zakat fitrah pada bulan ini untuk menguatkan lagi perasaan tersebut. Perasaan ini adalah titik tolak kepada rasa tanggungjawab untuk melakukan pembaikan dalam masyarakat.



Membuka hijab antara diri dengan Allah SWT

Ibadat yang dilakukan dalam bulan Ramadhan berupaya membersihkan rohani dan hati. Dengan itu terbukalah hijab antara hamba dengan tuhan.





Mengenal erti kejayaan sebenar

Puasa mengajar Mukmin erti kejayaan sebenar. Bukanlah harta atau kedudukan menjadi kayu pengukur kepada kejayaan tetapi tercapainya matlamat yang telah digariskan oleh Allah SWT adalah kejayaan yang hakiki. Orang yang berpuasa akan memperolehi dua kejayaan, pertama ketika berbuka dan kedua ketika menemui tuhan.



Rasa belas dan lemah lembut

Rasulullah SAW mengajar umatnya, apabila seseorang mencaci atau memperli orang berpuasa, maka hendaklah dia berkata "Aku berpuasa!" Seorang Mukmin yang hakiki amat berhajat kepada latihan seperti ini, kerana tidak mungkin dakwah dapat disebarkan dengan kekerasan. Bahkan ia memerlukan sikap berlapang dada dan kemampuan menahan diri dari perasaan marah. Permusuhan dan perbalahan tidak sedikitpun mendatangkan keuntungan kepada dakwah, bahkan merugikan masa dan tenaga.



Memperkukuhkan Kesatuan Ummah

Orang Islam di seluruh pelosok dunia berpuasa dalam bulan yang sama. Masing-masing merasakan nikmat kebaikan bulan Ramadhan dan perasaan ini dikongsi bersama oleh seluruh umat Islam tanpa mengira bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan melampaui batas geografi. Merasai wujudnya kesatuan umat adalah perkara *dharuriah* atau yang paling utama yang perlu ada dalam diri setiap Mukmin.



Merapatkan hubungan dengan alam

Penentuan Ramadhan dan Syawal, membawa umat Islam memerhati perjalanan bulan dan bintang. Demikian itu melahirkan rasa keagungan kepada Penciptanya.





Menjaga Masa

Puasa mengajar seorang Muslim supaya teliti dengan masa dan jadual hidup. Ketika bulan Ramadhan, seorang Muslim perlu teliti dalam menentukan waktu berbuka dan sahur kerana sedikit kesilapan akan membatalkan puasanya. Disiplin masa seperti ini amat perlu dalam kehidupan seorang Mukmin agar setiap perancangan hidupnya berjaya dan tepat pada masa yang ditetapkan.



Kesihatan Tubuh Badan

Pakar-pakar perubatan mendapati puasa boleh menyembuhkan pelbagai penyakit yang tidak boleh dipulihkan oleh sesetengah ubat-ubatan moden atau tradisi.

■ DI MANA KEDUDUKAN PUASA KITA?

Imam al-Ghazali dalam kitabnya berjudul *'Ihya Ulumuddin'* menyebut:³

"Puasa ada tiga kedudukan: Puasa al-Umum, puasa al-Khusus dan puasa Khusus al-Khusus. Puasa al-Umum ialah menahan perut dan kemaluan dari memenuhi kehendak syahwat. Puasa al-Khusus pula ialah menahan pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan seluruh anggota badan dari melakukan dosa. Manakala puasa Khusus al-Khusus ialah menahan hati dari keinginan yang buruk dan dari memikirkan sesuatu selain dari Allah SWT secara total. Puasa akan terbatal pada tahap ini lantaran memikirkan perkara-perkara selain dari Allah SWT dan hari akhirat. Demikian juga akan terbatal puasa dengan memikirkan dunia kecuali urusan dunia yang kepentingannya untuk agama kerana itu termasuk dalam bekalan akhirat dan bukan urusan dunia. Arbab al-Qulub (orang yang prihatin dengan hati mereka) berkata: sesiapa yang pada siang Ramadhan tergerak keinginannya mencari apa yang akan dimakan ketika berbuka puasa, maka ditulis satu kesalahan, kerana ianya lahir



daripada sikap kurang percaya kepada pemberian Allah SWT dan kurang yakin terhadap rezekinya yang telah dijanjikan. Tahap puasa seperti ini ialah tahap para nabi, al-Shiddiqin dan al-Muqarrabin. Puasa seperti ini tidak mungkin dapat digambarkan dengan perkataan tetapi boleh direalisasikan dengan amalan”.

Menurut Imam al-Ghazali juga bagi mencapai tahap puasa al-Khusus iaitu puasa orang soleh maka perlu menyempurnakan enam perkara iaitu:⁴

1. Menundukkan pandangan dan menahan dari melihat perkara yang tercela dan dibenci oleh syariat serta dari segala perkara yang boleh mengganggu dan melalaikan hati dari mengingat Allah SWT.
2. Memelihara lidah dari menuturkan perkataan yang tidak berfaedah seperti gurau senda, mengumpat, dusta dan sebagainya. Hendaklah lebih banyak berdiam diri, memperbanyakkan zikir dan membaca al-Qur'an.
3. Menahan dari mendengar perkataan yang dibenci oleh syarak. Ini kerana setiap perkataan yang diharamkan dituturkan maka haram juga didengar. Justeru, Allah SWT menyamakan pendengaran haram dengan memakan harta haram seperti firman-Nya:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّحْتِ

Maksudnya: *“Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)”.*

(Surah al-Ma'idah: 42)

4. Menahan anggota tubuh badan dari melakukan dosa seperti menahan tangan dan kaki dari perkara yang dilarang dan menahan perut dari perkara-perkara syubhat ketika berbuka. Ini kerana tidak ada makna berpuasa sekiranya pada siang hari menahannya dari makanan halal tetapi berbuka dengan makanan haram.



5. Tidak berlebihan ketika berbuka dengan makanan halal sehingga perut penuh dengan makanan tersebut. Ini kerana tidak ada bekas yang lebih dibenci oleh Allah SWT dari perut yang penuh dengan makanan halal. Bagaimana mungkin seseorang itu mampu mematahkan keinginan syahwatnya dan mengalahkan musuhnya sedangkan ketika berbuka dia seolah-olah hendak mengembalikan semula makanan yang terlepas ketika dia berpuasa pada siang harinya. Hingga sesetengah mereka memakan makanan yang tidak biasa dimakannya ketika hari tidak diwajibkan berpuasa.
6. Hendaklah timbul dalam hatinya rasa takut dan penghargaan kepada Allah SWT, kerana dia tidak tahu sama ada puasanya diterima oleh Allah SWT dan termasuk dalam kalangan orang yang berjaya, ataupun puasanya tidak diterima lalu dia termasuk dalam kalangan orang yang celaka.

Akhir sekali, ditahap mana puasa kita? Puasa al-Khusus atau sekadar puasa al-Umum sahaja?

■ HUKUM MENERJAKAN PUASA

Hukum kefardhuan puasa dalam bulan Ramadhan ditetapkan oleh al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijmak Ulama:

✽ Al-Qur'an: Firman Allah SWT:

... كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: "... Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Surah al-Baqarah: 183)



بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ - وَمِنْهَا - صَوْمُ رَمَضَانَ.

(رواه البخاري)

Ertinya: "Didirikan Islam atas lima perkara - antaranya - puasa Ramadhan".

(Riwayat al-Bukhari)

- ✱ Ijmak: Puasa merupakan perkara *dharuriyyah* dalam agama di mana sesiapa yang mengingkari wajibnya puasa maka dia menjadi kufur, manakala sesiapa yang meninggalkan puasa tanpa uzur syarie, hendaklah dipenjarakan dan ditegah daripada makan agar terhasil gambaran puasa pada dirinya.⁵

■ AMARAN KEPADA ORANG YANG MENINGGALKAN PUASA

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَفْطَرَ مِنْ رَمَضَانَ فِي غَيْرِ رُخْصَةٍ رَخَّصَهَا اللَّهُ لَهُ لَمْ يُقْضَ عَنْهُ صِيَامُ الدَّهْرِ كُلِّهِ، وَإِنْ صَامَ.

(رواه ابوداود، ابن ماجه والترمذي)

Ertinya: "Sesiapa yang berbuka puasa Ramadhan bukan kerana rukhsah (kelonggaran) yang diruksahkan oleh Allah SWT, tidak dapat diqadha'kan dengan puasa setahun, walaupun dia betul-betul (melakukan) puasa setahun itu".

(Riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan al-Tirmizi)

■ RUKUN PUASA

Rukun puasa ada tiga⁶ iaitu:

1. Orang yang berpuasa

- ✱ Seseorang yang berpuasa itu hendaklah seorang muslim, baligh, berakal, berkeupayaan dan bersih daripada haid dan nifas.



- ✿ Tidak sah puasa orang yang kafir kerana puasa adalah ibadah dan orang kafir bukan ahli ibadah.
- ✿ Puasa tidak wajib ke atas kanak-kanak yang belum baligh tetapi hendaklah dididik dan dibiasakan semenjak kecil.
- ✿ Orang yang tidak mampu untuk berpuasa di mana jika dia berpuasa boleh mengakibatkan mudharat seperti orang yang terlalu tua atau sakit yang tiada harapan untuk sembuh, maka tidak wajib berpuasa. Akan tetapi wajib diganti dengan secupak makanan bagi setiap sehari puasa yang ditinggalkan.
- ✿ Bagi perempuan yang datang haid atau nifas maka tidak sah puasa mereka pada hari datangnya haid dan nifas. Sekiranya haid dan nifas datang pada siang hari, maka batallah puasanya pada hari itu. Sekiranya dia bersih daripada haid pada malam hari, wajib ke atasnya puasa keesokan harinya sekalipun belum sempat mandi wajib. Mereka hendaklah mengganti puasa tersebut mengikut bilangan hari-hari yang mereka tinggalkan selepas bulan Ramadhan.
- ✿ Harus berbuka bagi orang yang bermusafir jauh sekiranya dia takut ditimpa mudarat. Sekiranya musafirnya tidak mendatangkan mudarat maka lebih afdhal dia berpuasa. Dia wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan selepas bulan Ramadhan.⁷
- ✿ Harus berbuka bagi orang yang sakit, mengandung dan menyusukan anak sekiranya dia bimbang puasa boleh mendatangkan mudarat ke atas dirinya atau anaknya, dan dia wajib menggantikannya semula selepas bulan Ramadhan. Bagi sakit yang biasa maka tidak boleh meninggalkan puasa.

2. Niat

- ✿ Puasa Ramadhan tidak sah tanpa niat.
- ✿ Niat itu di dalam hati dan bukan dengan lisan di mana tidak disyaratkan '*Talaffuz*' (menyebut niat dengan lisan).⁸



- ✱ Ketika berniat, wajib menentukan jenis puasa seperti Ramadhan bagi puasa bulan Ramadhan.
- ✱ Bagi puasa-puasa yang wajib, niat disyaratkan hendaklah dibuat pada malam hari, iaitu selepas terbenam matahari hingga sebelum subuh. Pendapat yang sahih dalam mazhab Syafie ialah tidak sah niat yang serentak dengan ketibaan waktu fajar.⁹ Bagi puasa sunat pula, dibolehkan berniat pada siang hari selagi belum tergelincir matahari (masuk waktu Zuhur).
- ✱ Niat hendaklah dilakukan pada setiap malam untuk setiap hari puasa yang dilakukan. Ini berdasarkan pendapat Imam Syafie, Abu Hanifah dan riwayat paling sahih dari Imam Ahmad.¹⁰ Mengikut pendapat Imam Malik dan riwayat dari Imam Ahmad pula, cukup sekali niat sahaja untuk satu bulan Ramadhan dan hendaklah niat itu dilakukan pada malam pertama Ramadhan.¹¹

3. Meninggalkan dari melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa iaitu:

- (i) Memasukkan sesuatu ke dalam rongga dengan sengaja dan tidak ada beza sama ada yang boleh dimakan atau tidak, termasuk merokok.
- ✱ Ijmak ulama mengatakan terbatal puasa dengan makan dan minum.
- ✱ Suntikan melalui kemaluan atau dubur adalah membatalkan puasa. Manakala suntikan melalui kulit pula ulama dalam Mazhab Syafie berselisih pendapat.¹² Menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qaradhawi, ia tidak membatalkan puasa.¹³
- ✱ Perkara-perkara yang tidak dapat dihindarkan seperti habuk jalan dan air liur adalah tidak membatalkan puasa. Puasa terbatal dengan menelan hakak yang keluar dari kepala atau dada dengan sengaja.¹⁴



- ★ Batal puasa dengan memasukkan jari atau sebagainya ke dalam dubur atau faraj.¹⁵
- ★ Puasa adalah terbatal dengan memasukkan sesuatu ke dalam telinga dengan sengaja.¹⁶
- ★ Kesemua perkara tadi jika dilakukan dengan tidak sengaja, tersilap atau terlupa maka tidak membatalkan puasa.

(ii) Muntah dengan sengaja (seperti kerana memasukkan jari ke dalam mulut) adalah membatalkan puasa dan wajib diganti. Bagi muntah yang tidak sengaja atau menjadi kebiasaannya muntah maka itu tidak membatalkan puasa. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ وَهُوَ صَائِمٌ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ وَمَنْ اسْتَقَاءَ فَلْيَقْضِ.

Ertinya: “Sesiapa yang biasa muntah dan dia berpuasa maka tidak wajib ke atasnya qadha’ puasa, dan sesiapa yang sengaja muntah, maka hendaklah mengqadhakannya”.

- (iii) Keluar darah haid dan Nifas walaupun di penghujung waktu puasa adalah dikira membatalkan puasa dan wajib diganti.
- (iv) Keluar air mani dengan sengaja sama ada kerana bercumbuan atau memeluk isteri, atau dengan tangan maka ia membatalkan puasa dan wajib diganti.
- ★ Sekiranya air mani itu keluar kerana mimpi atau berangan-angan maka tidaklah membatalkan puasa.¹⁷
- ★ Keluar air Mazi tidak membatalkan puasa.



(v) **Jimak (bersetubuh):**

- ★ Haram berjimak bagi orang yang berpuasa pada siang harinya dan ia membatalkan puasa tidak kira sama ada ia dilakukan di faraj atau dubur, keluar air mani ataupun tidak. Liwat yang dilakukan pada lelaki, kanak-kanak atau binatang juga adalah membatalkan puasa.¹⁸
- ★ Suami dan isteri yang melakukan jimak maka wajib ke atas kedua-duanya mengqadha'kan semula puasa mereka yang terbatal.
- ★ Kaffarah (denda) hanya wajib ke atas lelaki (suami) dan tidak wajib ke atas perempuan.¹⁹
- ★ Kadar kaffarah ialah membebaskan seseorang hamba. Bagi yang tidak ada hamba maka hendaklah berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Sekiranya tidak mampu, dikehendaki memberi makan enam puluh orang fakir miskin.²⁰
- ★ Sesiapa yang menjimak isteri sebanyak dua hari berpuasa atau lebih, maka kaffarahnya juga ialah dua kali kaffarah atau lebih.²¹

(vi) **Murtad:**

Ulama bersepakat bahawa sesiapa yang murtad maka batallah puasanya dan wajib qadha hari yang dia murtad, sekiranya dia kembali memeluk Islam.²²

- (vii) **Gila atau pengsan**, Seseorang yang gila atau pengsan sepanjang hari dan dia tidak sedar walaupun satu saat maka batal puasanya.²³

(viii) **Menukar niat:**

Sesiapa yang berniat buruk untuk berbuka puasa maka batal puasanya. Pendapat ini dipegang oleh Imam Syafie, Abu Thaur, Abu Hanifah dan pendapat yang paling jelas dalam Mazhab Hanbali.²⁴



■ ADAB-ADAB DAN SUNAT PUASA

1. Bersahur dan mengakhirkan sahur.²⁵

Bersahur merupakan amalan sunat berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Anas RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Bersahurlah kamu kerana sesungguhnya sahur itu ada keberkatan".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sahur adalah berkat kerana ia membantu menguatkan orang yang berpuasa.

Waktu bersahur ialah bermula pada pertengahan malam hingga terbit fajar namun disunatkan mengakhirkan waktu bersahur. Diriwayatkan daripada Zaid bin Thabit bahawa beliau berkata:

تَسَحَّرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ إِلَى الصَّلَاةِ قُلْتُ
كَمْ كَانَ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالسَّحُورِ قَالَ قَدَرُ خَمْسِينَ آيَةً.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Kami telah bersahur bersama Rasulullah SAW, kemudian kami bangkit untuk solat (subuh), dan kadar antara azan (subuh) dan sahur ialah sekadar (bacaan) lima puluh ayat.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Seseorang itu sudah dikira bersahur walaupun dengan minum seteguk air. Sabda Nabi SAW:

السَّحُورُ بَرَكَةٌ، فَلَا تَدَعُوهُ وَلَوْ أَنْ يُجَرَّعَ أَحَدُكُمْ جُرْعَةً مَاءٍ

Ertinya: "Sahur itu berkat, maka janganlah kamu tinggalkannya walaupun seorang antara kamu (hanya) meneguk seteguk air".



2. Mempercepatkan berbuka puasa apabila terbenamnya matahari.²⁶

Sabda Rasulullah SAW:

لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Kekallah umatku dengan kebaikan sebagaimana mereka mempercepatkan berbuka puasa".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Begitu juga disunatkan berbuka puasa dengan tamar. Sekiranya tiada tamar maka sunat dengan air.

Sunat juga berdoa ketika berbuka. Antara doa Rasulullah SAW ketika berbuka ialah:

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ، أَذْهَبِ الظَّمَأَ وَابْتَلِّتِ
الْعُرْوُوقَ وَثَبِّتِ الْأَجْرَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

3. Sunat beriktikaf sepanjang bulan Ramadhan khususnya pada sepuluh hari terakhir Ramadhan.
4. Tidak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak dan tujuan puasa.

Puasa bukanlah sekadar menahan diri daripada makan dan minum, tetapi juga menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT sama ada berupa iktikad, perbuatan atau pertuturan. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ، وَعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ
طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ.

(رواه البخاري)



Ertinya: *"Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan mengamalkannya maka Allah tidak berhajat pada apa yang dia tinggalkan daripada makanan dan minumannya".*

(Riwayat al-Bukhari)

Rasulullah SAW juga memerintahkan kepada orang yang berpuasa sekiranya berhadapan dengan celaan atau permusuhan maka hendaklah dia sabar dan berkata: 'Aku berpuasa'.

5. Tadarus al-Qur'an. Jibrail AS bertadarus al-Qur'an dengan Rasulullah SAW pada setiap malam sepanjang bulan Ramadhan.

■ PERKARA YANG HARUS KETIKA BERPUASA

1. Menjirus kepala

Ini kerana terdapat hadith yang mengharuskan orang yang berpuasa berbuat demikian. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abu Bakar bin Abdul Rahman di mana sesetengah sahabat Nabi SAW menceritakan kepadanya bahawa mereka berkata:

وَلَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ
الْمَاءَ وَهُوَ صَائِمٌ، مِنَ الْعَطَشِ أَوْ مِنَ الْحَرِّ
(رواه احمد، مالك وابو داود)

Ertinya: *"Sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah SAW menjirus air ke atas kepalanya dan baginda berpuasa, (demikian itu) kerana dahaga atau kerana kepanasan".*

(Riwayat Ahmad, Malik dan Abu Daud)

2. Menitikkan sesuatu ke dalam mata sama ada rasanya boleh dirasakan di halkum atau tidak.

Ini kerana mata bukanlah lubang rongga yang berhubung dengan halkum. Pendapat inilah yang dipegang dalam Mazhab Syafie dan Ibnu Munzir menghiakayatkan pendapat yang sama



dari Abu Hanifah, Atha', Hassan, al-Nakhaie serta al-Auza'ie. Inilah juga pendapat Daud al-Zahiri.²⁷

3. Makan, minum dan berjimak di malam hari sehingga terbit fajar.

Harus juga kepada orang yang berpuasa mengakhirkan mandi junub sehingga selepas terbit fajar. Begitu juga kepada wanita yang datang haid dan nifas, adalah harus melewatkan mandi wajib sehingga selepas terbit fajar walaupun darahnya berhenti pada malam hari.

4. Merasai makanan tanpa menelannya.

Ulama-ulama Mazhab Syafie berpendapat bahawa sekiranya seseorang berhajat untuk merasai makanan seperti untuk diberikan kepada anaknya yang kecil, maka harus dilakukan kerana *dharuriah*.²⁸

Kata Imam Ahmad bin Hambal: "Aku lebih suka jika dapat dihindari daripada merasai makanan, tetapi sekiranya dilakukan maka tidaklah mengapa".²⁹

■ **PERKARA YANG MAKRUH KETIKA BERPUASA**

1. Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika berwuduk secara berlebih-lebihan.

Imam al-Syafie dan sahabat-sahabat dalam Mazhab telah sepakat bahawa disunatkan kepada orang yang berpuasa berkumur-kumur dan membasuh hidung ketika berwuduk tetapi makruh berlebih-lebihan. Pendapat yang paling sahih dalam Mazhab Syafie ialah sekiranya berlebih-lebihan ketika melakukannya hingga menyebabkan air masuk ke dalam rongga maka batal puasa.³⁰



2. Menyambung puasa seperti tidak berbuka selama dua hari berturut-turut. Hukumnya adalah makruh menurut Jumhur Ulama'. Manakala pendapat paling sahih dalam Mazhab Syafie pula ialah hukumnya haram.³¹
3. Bagi suami isteri yang berada pada peringkat usia muda, adalah makruh mencium isteri kerana takut akan merangsang naluri dan membawa kepada perkara yang membatalkan puasa.³²
4. Makruh bersiwak (berus gigi) selepas gelincir matahari menurut Iman al-Syafie dan Ahmad.³³

■ QIAMULLAIL DAN SOLAT TARAWIH

Memakmurkan malam-malam sepanjang bulan Ramadhan adalah sunat dan amat dituntut oleh Rasulullah SAW. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Sesiapa yang bangun (Qiamullail) pada bulan Ramadhan dengan keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya dosa-dosanya yang terdahulu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Antara ibadat-ibadat yang dituntut sepanjang Ramadhan ialah solat Tahajjud, membaca al-Qur'an dan mengkhatamkannya sekerap yang mungkin.

Qiamullail dalam bulan Ramadhan juga diberi maksud sebagai mengerjakan solat Tarawih secara berjemaah.

Daripada Aisyah RA bahawa Nabi SAW menunaikan solat Tarawih di masjid lalu diikuti beberapa orang bersamanya. Kemudian baginda



solat lagi dan orang yang solat bersamanya semakin bertambah ramai. Seterusnya orang ramai berhimpun pada malam ketiga dan keempat tetapi Rasulullah SAW tidak keluar untuk solat Tarawih bersama mereka. Apabila tiba waktu subuh, Rasulullah SAW bersabda dengan mereka:

قَدْ رَأَيْتُ مَا صَنَعْتُمْ، فَلَمْ يَمْنَعْنِي مِنَ الْخُرُوجِ إِلَيْكُمْ إِلَّا أَنِّي
خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Sesungguhnya aku melihat apa yang kamu lakukan. Tiada yang menghalang aku keluar kepada kamu selain kerana aku takut ianya difardukan ke atas kamu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Pada zaman pemerintahan Amirul Mukminin Umar bin al-Khattab RA, umat Islam pada peringkat awal mengerjakan solat Tarawih secara bersendirian. Kemudian Umar memerintahkan mereka mengerjakannya secara berjemaah dan beliau melantik Ubai bin Kaab sebagai imam.³⁴

Sekali pun solat Tarawih boleh dilakukan secara bersendirian namun kelebihan adalah secara berjemaah. Nabi SAW telah bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا صَلَّى مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ حُسِبَ لَهُ قِيَامَ
الَّيْلَةِ.

(رواه اصحاب السنن)

Ertinya: "Seseorang lelaki yang bersolat (tarawih) bersama imam sehingga imam itu pulang (selesai mengerjakan solat), ia dikira telah bangun (beribadat) keseluruhan malam".

(Riwayat Ashab al-Sunan)



■ **RAKAAT SOLAT TARAWIH**

Ulama berselisih pandangan dalam menentukan rakaat solat Tarawih. Ada yang berpendapat 41 rakaat, 39 rakaat, 23 rakaat, 13 rakaat dan ada yang berpendapat 11 rakaat di samping beberapa pendapat yang lain.

Daripada Aisyah berkata: “Rasulullah SAW tidak mengerjakan (solat sunat) pada bulan Ramadhan dan bukan Ramadhan melebihi sebelas rakaat di mana (mulanya) baginda solat empat rakaat dan jangan engkau tanya akan keelokan dan panjangnya. Kemudian baginda mengerjakan empat rakaat lagi dan jangan engkau tanya akan keelokkan dan panjangnya. Kemudian Baginda solat pula tiga rakaat”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)


Berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA.³⁵ dan Zaid bin Khalid.³⁶ bahawa Rasulullah SAW mengerjakan solat Tarawih sebanyak 13 rakaat.

Daripada as-Saaib bin Yazib berkata: “Umar bin Khattab memerintahkan Ubai bin Kaab dan Tamim ad-Daari mengimamkan (solat Tarawih) sebanyak 11 rakaat.³⁷ Riwayat ini menyerupai bilangan rakaat yang dilakukan oleh Rasulullah SAW”.

Dalam riwayat yang lain yang juga datang daripada as-Saaib bin Yazib menyebut: “Mereka mengerjakan solat Tarawih. Pada zaman Umar bin al-Khattab dalam bulan Ramadhan sebanyak 20 rakaat.³⁸ Beliau juga menyebut: “Umar menghimpunkan orang ramai berimamkan Ubai bin Kaab dan Tamim ad-Daari dengan 21 rakaat”.³⁹

Begitu juga diriwayatkan bahawa umat Islam mengerjakan solat Tarawih semasa zaman Umar sebanyak 23 rakaat.⁴⁰

Memandangkan begitu banyak pendapat dalam masalah rakaat Tarawih dan setiap pandangan diperkuatkan dengan dalil yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dan Khalifah selepasnya iaitu Umar al-Khattab, maka Sheikhul Islam Ibnu Taimiyyah telah menyimpulkan kesemua pandangan tersebut dengan katanya: “Sesiapa yang



menyangka bahawa Qiam (Tarawih) dalam bulan Ramadhan telah ditetapkan rakaatnya oleh Rasulullah SAW dengan tidak boleh ditambah atau dikurang maka adalah (sangkaan) yang silap".⁴¹

Beliau berkata lagi: "Maka hendaklah memperbanyakkan dan mengurangkan rakaat berdasarkan panjang dan pendeknya solat."⁴²

Pada zaman Rasulullah SAW, baginda dan para sahabatnya mengerjakan solat Tarawih dengan memanjangkan rakaat solat sehingga diriwayatkan bahawa Baginda membaca dalam satu rakaat keseluruhan surah *al-Baqarah*, *al-Nisa'* dan *Ali-Imran*. Lantaran panjangnya bacaan, menyebabkan mereka mengurangkan bilangan rakaat.

Apabila umat Islam pada zaman Saidina Umar tidak mampu untuk berdiri lama seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya, maka Umar RA mengarahkan Ubai bin Kaab agar memperbanyakkan rakaat dengan bacaan yang pendek sebagai ganti. Berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih, menunjukkan umat Islam pada zaman Umar melakukan solat Tarawih sebanyak 11 rakaat, 13 rakaat, 23 rakaat sehingga 39 rakaat.⁴³

Maka mereka yang solat sebanyak 11 rakaat atau 23 rakaat dengan niat mencontohi Rasulullah SAW, maka ianya adalah baik. Sesiapa yang mengerjakannya sebanyak 23 rakaat dengan berdasarkan amalan umat Islam pada zaman Umar RA, juga adalah baik. Kesemuanya akan mendapat pahala berdasarkan niat masing-masing.

Manakala dalam Mazhab al-Syafie', pendapat yang dipakai ialah 20 rakaat dengan melakukan salam selepas setiap dua rakaat. Imam Nawawi mengingatkan kepada para imam dan orang yang menunaikan solat Tarawih supaya menyempurnakan kesemua tuntutan solat kerana didapati sebahagian mereka mengabaikan beberapa zikir dan bacaan solat⁴⁴ (dengan niat mempercepatkan solat).⁴⁵

Imam Nawawi juga menyebut, seelok-eloknya dikhatamkan keseluruhan al-Qur'an dalam solat Tarawih sepanjang bulan Ramadhan dengan menghabiskan satu juzuk semalam. Begitu juga para imam



hendaklah memastikan bacaan mereka tidak terlalu panjang seperti melebihi satu juzuk semalam.⁴⁶

■ KELEBIHAN MALAM SEPULUH TERAKHIR RAMADHAN⁴⁷ DAN LAILATUL QADAR

Antara kelebihan malam sepuluh terakhir Ramadhan ialah:

1. Rasulullah SAW memperbanyakkan ibadah pada malam sepuluh terakhir melebihi daripada malam-malam sebelumnya. Aisyah RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ أَحْيَا
الَّيْلَ، وَأَيَقَظَ أَهْلَهُ وَجَدَّ، وَشَدَّ الْمَثَرَةَ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Rasulullah SAW apabila masuk malam sepuluh terakhir Ramadhan, baginda menghidupkan malam (dengan ibadah), mengejutkan keluarganya (bangun beribadah), bersungguh-sungguh (dalam beribadat) dan uzlah dari isteri-isterinya".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Pada malam sepuluh terakhir terdapat satu malam yang dinamakan Lailatul Qadar (malam yang mempunyai berkat dan keistimewaan yang banyak).

Pada malam inilah diturunkan al-Qur'an sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Qur'an) pada malam Lailatul Qadar".

(Surah al-Qadr: 1)



Ibnu Abbas berkata: Allah menurunkan al-Qur'an sekaligus daripada Loh Mahfuz ke Baitul Izzah yang terletak di langit dunia. Kemudian ia diturunkan secara berperingkat-peringkat kepada Rasulullah SAW, selama 23 tahun.⁴⁸

Lailatul Qadar disifatkan lebih baik daripada seribu bulan, firman Allah SWT:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

Ertinya: "Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan.

(Surah al-Qadr: 3)

Malam ini juga disifatkan sebagai malam berkat. firman Allah SWT:

مُبْرَكَةٌ إِنَّا كُنَّا مُنْذِرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya kami telah menurunkan (al-Qur'an) itu pada malam yang berkat (Lailatul Qadar)".

(Surah al-Dukhan: 3)

✿ Pada malam ini juga turunnya para malaikat, dan malaikat turun bersama-sama turunnya berkat dan rahmat Allah SWT yang dihaskan untuk malam ini.

✿ Ditetapkan umur, rezeki dan ajal manusia. Firman Allah SWT:

فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ

Maksudnya: "Kami menurunkan al-Qur'an pada malam yang tersebut kerana pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmah serta tetap berlaku (tidak berubah atau bertukar)".

(Surah al-Dukhan: 4)



Maksud urusan yang penuh hikmah ialah pada malam tersebut Allah SWT menentukan umur, rezeki dan ajal manusia.⁴⁹

Allah SWT mengampunkan hamba-Nya yang menghidupkan malam tersebut dengan penuh rasa keimanan dan pengharapan.

■ BILAKAH LAILATUL QADAR?

Nabi SAW bersabda:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْآخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: “Carilah Lailatul Qadar pada malam sepuluh terakhir Ramadhan”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW bersabda lagi:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْآخِرِ

(رواه البخاري)

Ertinya: “Carilah Lailatul Qadar pada malam ganjil pada sepuluh malam terakhir”.

(Riwayat al-Bukhari)

Imam al-Nawawi berpendapat bahawa memandangkan hadith-hadith yang menceritakan tentang Lailatul Qadar berselisih pada waktunya, maka ini menunjukkan bahawa malam tersebut berpindah-pindah pada setiap tahun.⁵⁰

Oleh itu, marilah kita sama-sama memanfaatkan malam sepuluh terakhir Ramadhan dan menghidupkan dengan ibadah dan doa. Dalam sebuah hadith riwayat al-Tirmizi, Ahmad dan Ibnu Majah bahawa Aisyah RA bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah!



Sekiranya aku berada pada Lailatul Qadar, apa yang aku perlu buat?
Baginda menjawab, katakanlah:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

3. Iktikaf pada malam sepuluh terakhir Ramadhan di mana fadhilatnya lebih banyak daripada hari-hari biasa. Maksud iktikaf di sini ialah mendampingi masjid untuk mentaati Allah SWT.

Rasulullah SAW tidak pernah sekalipun meninggalkan iktikaf pada sepuluh malam terakhir Ramadhan sehinggalah baginda wafat. Isteri-isteri baginda juga turut beriktikaf bersama-samanya ketika Baginda hidup dan selepas baginda wafat.

- ✱ Syarat sah iktikaf: Islam, berakal, tidak berjunub dan bersih daripada haid dan nifas bagi perempuan.
- ✱ Niat: Iktikaf adalah ibadah yang tidak sah melainkan dengan niat.
- ✱ Masjid: Iktikaf hendaklah dilakukan di masjid.
- ✱ Waktu bermula iktikaf: Seseorang yang ingin beriktikaf hendaklah masuk ke dalam masjid sebelum terbenam matahari kedua puluh Ramadhan.
- ✱ Waktu berakhir iktikaf. Berakhirnya iktikaf ialah selepas terbenamnya matahari pada hari terakhir Ramadhan.
- ✱ Perkara yang membatalkan iktikaf.
 1. Keluar daripada masjid tanpa hajat dengan sengaja.
 2. Murtad.
 3. Hilang akal kerana gila atau mabuk.
 4. Datang haid atau nifas
 5. Jimak. Firman Allah SWT:

... وَلَا تُبَشِّرُوهُمْ وَأَنْتُمْ عَنْ كِفْؤُنَ فِي الْمَسْجِدِ ...



Maksudnya: "... dan janganlah kamu setubuhi isteri- isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid..."

(Surah al-Baqarah: 187)

- ✿ Perkara yang sunat dilakukan: memperbanyakkan ibadat sunat seperti solat, membaca al-Qur'an, tasbih, tahmid, takbir, istighfar, selawat dan doa. Begitu juga menghadiri majlis ilmu, mengulangkaji kitab hadith, tafsir, sirah Nabi dan sebagainya.
- ✿ Perkara yang harus dilakukan: Keluar daripada masjid kerana hajat dan **dharuriah** seperti keluar untuk mengucapkan selamat tinggal kepada saudara mara, menziarahi kematian atau orang sakit. Begitu juga harus hukumnya mandi, memotong rambut, kuku, memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian.

■ ZAKAT FITRAH

Zakat fitrah adalah wajib ke atas setiap Muslim tidak kira sama ada lelaki, perempuan, kanak-kanak, dewasa, merdeka ataupun hamba. Abdullah bin Umar RA telah berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ
تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى صَغِيرٍ
أَوْ كَبِيرٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

(رواه البخاري ومسلم)

Ertinya: "Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah di dalam Ramadhan ke atas umat Islam secupak tamar atau secupak gandum sama ada yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



■ SIAPA YANG WAJIB MEMBAYAR ZAKAT FITRAH⁵¹

1. Menurut Mazhab Jadid (baru) Imam al-Syafie dan pendapat Imam Ahmad berdasarkan riwayat daripada Imam Malik:
"Wajib ke atas setiap Muslim yang dilahirkan sebelum terbenam matahari hari terakhir Ramadhan". Pendapat ini yang dipakai dalam Mazhab al-Syafie."
2. Manakala Mazhab Qadim (lama) Imam Syafie dan pendapat Imam Abu Hanifah pula berdasarkan riwayat daripada Imam Malik:
"Wajib ke atas Muslim yang dilahirkan sebelum terbit fajar Hari Raya Pertama."

■ WAKTU MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Zakat fitrah boleh dibayar bermula dari awal Ramadhan. Sunat hukumnya membayar selepas fajar Hari Raya Pertama hingga waktu solat Hari Raya. Makruh membayarnya selepas solat Hari Raya dan ia tidak dikira sebagai zakat fitrah sebaliknya sedekah. Dan hukumnya haram membayar zakat fitrah selepas berakhirnya Hari Raya Pertama.⁵² Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ
فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.

(رواه ابوداود وابن ماجه)

Ertinya: "Sesiapa yang menunaikan zakat fitrah sebelum solat maka ia adalah zakat yang diterima dan sesiapa yang membayarnya selepas solat maka ia adalah sedekah daripada sedekah-sedekah (yang dibuat pada waktu-waktu biasa)".

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

■ KADARNYA

Secupak daripada makanan rasmi sesebuah negara. Sesetengah ulama seperti Imam Abu Hanifah berpendapat, harus mengeluarkan

zakat fitrah dengan nilai secupak makanan tersebut sekiranya ia lebih bermanfaat kepada fakir miskin⁵³ seperti dengan nilai ringgit dan sebagainya.

■ **QADHA' DAN FIDYAH PUASA⁵⁴**

- ✿ Seseorang yang meninggalkan puasa Ramadhan kerana uzur atau tanpa uzur, wajib qadha' puasanya di luar bulan Ramadhan.
- ✿ Seseorang yang melambatkan qadha' puasanya kerana uzur syarie' yang berterusan, seperti dia masih musafir atau sakitnya berterusan hingga ke Ramadhan tahun berikutnya di mana tiada ruang langsung untuk mengqadha'kan puasa tersebut, hukumnya harus dia melewati qadha' dan tidak wajib membayar fidyah sekalipun ia telah melangkau beberapa Ramadhan. Cuma wajib ke atasnya qadha' bilangan hari-hari puasa yang ia tinggalkan.
- ✿ Sunat menyegerakan qadha' puasa bagi mereka yang meninggalkannya kerana uzur syarie'. Bagi mereka yang meninggalkan puasa tanpa uzur syarie' maka: pendapat pertama: Wajib disegerakan dan tidak boleh bertanggung; pendapat kedua: boleh dilambatkan dan ini pandangan kuat di sisi ulama-ulama Mazhab al-Syafie di Iraq. Pendapat pertama adalah pandangan sah yang dipilih oleh Imam al-Nawawi.
- ✿ Sunat menyegerakan qadha' puasa secara berturut-turut.
- ✿ Qadha' puasa tidak boleh dilakukan pada hari-hari bulan Ramadhan, Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban dan hari-hari Tasyriq.

■ **QADHA' PUASA BAGI YANG MENINGGALKANNYA KERANA HAMIL ATAU MENYUSUKAN ANAK⁵⁵**

- ✿ Bagi orang yang hamil atau menyusukan anak, sekiranya dia meninggalkan puasa kerana takut ditimpa mudharat pada dirinya sendiri, wajib ke atasnya qadha' dan tidak wajib fidyah.



- ☼ Sekiranya dia berbuka kerana takut bayi yang berada dalam kandungan atau bayi yang disusukannya ditimpa mudharat, pendapat paling jelas dalam Mazhab al-Syafie ialah wajib qadha' dan fidyah.

■ HUKUM ORANG YANG MATI DAN BELUM SEMPAT MENGQADHA'KAN PUASANYA

- ☼ Terdapat dua keadaan:⁵⁶

Keadaan Pertama: Sekiranya si mati tidak mengqadha' puasanya kerana uzur yang berterusan dan tiada ruang yang memungkinkannya mengqadha' puasa seperti sakit, musafir, pengsan, nifas, hamil atau menyusukan anak dan uzur tersebut berterusan hingga dia mati maka tidak wajib ke atas warisnya qadha' puasa dan membayar fidyah untuknya.

Keadaan Kedua: Si mati berkemungkinan mengqadha' puasa yang ditinggalkan dan ada ruang untuknya berbuat demikian tetapi dia tidak melakukannya kerana uzur atau sengaja sehinggalah dia mati, maka ada dua pendapat: Qaul Jadid Imam Syafie: Wajib dikeluarkan daripada harta peninggalannya, secupak makanan rasmi untuk setiap hari yang dia tinggalkan dan walinya tidak sah mengqadha' puasa si mati.

Qaul Qadim Imam Syafie: Walinya boleh mengqadhakan puasa bagi si mati, tetapi bukanlah mengqadhakannya atau membayar fidyah.

Pendapat ini adalah paling sahih di sisi Imam Nawawi dan ulama-ulama dalam Mazhab al-Syafie yang mengkaji pendapat Imam al-Syafie. Ini kerana terdapat banyak hadith sahih berhubung masalah ini. Antaranya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ.

(رواه البخاري ومسلم)



Ertinya: *"Sesiapa yang mati dan ke atasnya puasa (yang belum dia qadhakan) maka hendaklah walinya berpuasa untuknya".*
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Penyaringan Imam Nawawi ini menepati kehendak Imam al-Syafie sendiri kerana Imam Syafie telah meletakkan kaedah: "Apabila sesuatu hadith itu didapati sahih maka itulah mazhabku dan tinggalkanlah pendapatku yang bertentangan dengan hadith tersebut".

- ✱ Wali yang boleh mengqadha' puasa si mati ialah setiap kerabat kepada si mati walaupun bukan waris yang berhak mewarisi hartanya.⁵⁷
- ✱ Sah qadha' puasanya yang dilakukan oleh orang asing dengan izin wali si mati atau si mati sendiri, sama ada diberi upah atau tidak iaitu sama seperti ibadah Haji. Tidak sah jika tidak mendapat keizinan terlebih dahulu dari wali si mati atau si mati sendiri.⁵⁸
- ✱ Pendapat yang jelas di sisi Imam Nawawi ialah sah puasa yang dilakukan oleh 30 orang bagi menggantikan 30 hari yang ditinggalkan oleh si mati di mana qadha' tersebut dilakukan pada hari yang sama.⁵⁹

Fidyah⁶⁰

- ✱ Secupak makanan rasmi sesebuah negara untuk sehari puasa yang ditinggalkan.
- ✱ Fidyah boleh diserahkan kepada seorang fakir miskin sahaja. Contohnya fidyah untuk sebulan puasa yang ditinggalkan boleh dibayar kepada seorang fakir miskin.
- ✱ Kaffarah (denda) berbeza dengan fidyah di mana seorang fakir miskin tidak boleh menerima lebih dari secupak makanan yang dibayar kerana kaffarah.



■ RINGKASAN

- ✱ **Wajib qadha' sahaja:** Meninggalkan puasa kerana sakit, musafir, nifas, haid, pengsan, gila, terlupa niat, sengaja berbuka atau jimak (bagi isteri sahaja).
- ✱ **Wajib fidyah sahaja:** Meninggalkan puasa kerana hilang upaya berpuasa kerana terlalu tua atau sakit yang tiada harapan sembuh.
- ✱ **Wajib qadha dan fidyah serentak:** Tidak mengerjakan qadha puasa hingga melangkau ke Ramadhan lain dan berbuka kerana hamil atau mengandung kerana takut mudarat ke atas bayi dalam kandungan atau susuan di mana bukan takut mudharat ke atas diri sendiri.
- ✱ **Wajib qadha dan kaffarah:** Puasa yang batal kerana jimak (bagi suami sahaja).

■ PUASA SUNAT ENAM HARI DALAM BULAN SYAWAL

- ✱ Disunatkan berpuasa sebanyak enam hari dalam bulan Syawal sama ada dia berpuasa penuh dalam bulan Ramadhan atau tidak atau langsung tidak berpuasa sepanjang Ramadhan.
- ✱ Dalilnya ialah hadith Nabi SAW.

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ بِسِتٍّ مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Ertinya: "Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, dan diikuti dengan enam hari dalam bulan Syawal maka dia seumpama berpuasa sepanjang tahun".

(Riwayat Muslim)

- ✱ Puasa enam hari dalam bulan Syawal boleh dilakukan berselang-seli tetapi sebaik-baiknya dilakukan secara berturutan selepas Hari Raya Pertama. Ini kerana melewatkannya akan menimbulkan rasa malas, sedangkan bersegera melakukan ibadat adalah lebih afdal.




- ☀ Menurut ulama terkemudian dalam Mazhab al-Syafie seperti al-Khatib al-Syarbini dan Imam al-Ramli, orang yang menunaikan puasa kerana qadha', nazar atau sebagainya (selama enam hari) dalam bulan Syawal, akan memperolehi pahala puasa sunat Syawal.⁶¹




Nota Kaki

- 1 Sayyed Sabiq, *Fiqh Sunnah* (1/381)
- 2 Mengharapkan redha dan pahala daripada Allah bukan kerana riyak atau seumpamanya.
- 3 *Ihya' Ulumiddin*, 1/310
- 4 ibid.
- 5 Al-Khaatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtal*, 2/140
- 6 ibid.
- 7 Imam al-Nawawi, *al-Majmu' Sharhu al-Muhazzab*, 6/265.
- 8 Al-Khaatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2/146
- 9 Imam an-Nawawi, *al-Majmu' Sharhu al-Muuhazzab*, 6/303
- 10 ibid, 6/319
- 11 Muhammad Alish, *Minhu al-Jalil*, 2/128
- 12 *Al-Majmu' Sharhu al-Muhazzab*, 6/335,345
- 13 Qaradhawi, *Fatawa Mu'asarah*, 1,307
- 14 ibid, 6/343
- 15 ibid, 6/336
- 16 ibid.
- 17 ibid, 6/348-350, *Fiqh Sunnah*, 1/412
- 18 ibid, 6/348
- 19 *Mughni al-Muhtaj*, 2/179
- 20 ibid, 2/180, *al-Majmu'*, 6/366
- 21 *Al-Majmu'*, 6/370
- 22 Abdul Karim Zaidan, *al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah*, 2/68
- 23 Ahmad Isa A'syur *al-Fiqh al-Muyassar*, 133
- 24 Abdul Karim Zaidan, *al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah*, 2/69
- 25 An-Nawawi, *al-Majmu'*, 6/404
- 26 ibid, 6/408
- 27 Sayyed Sabiq, *Fiqh Sunnah*, 1/407
- 28 *Al-Majmu'*, 6/407
- 29 Ibnu Qudamah, *al-Mugni*, 3/110
- 30 *Al-Majmu'*, 6/355
- 31 Abdul Karim Zaidan, *al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah*, 2/88
- 32 ibid.
- 33 *Al-Majmu'*, 6/425
- 34 Riwayat Bukhari
- 35 Riwayat Bukhari dan Muslim



- 36 Riwayat Muslim
- 37 Riwayat Imam Malik, Muwatta, 1/115
- 38 Riwayat al-Baihaqi
- 39 Riwayat Abdul Razaq
- 40 Riwayat Imam Malik
- 41 Ibnu Taimiyyah, *Majmu' Fatawa*, 22/272
- 42 Ibid, 23/113
- 43 Ibid.
- 44 Imam Nawawi, al-Azhar, Dar al-Sharqi al-Arabi, 170
- 45 Sesetengah imam di Malaysia membaca *Fatihah* dengan satu atau dua nafas sahaja tanpa menelli tajwid dan makhraj huruf, sedangkan *Fatihah* merupakan rukun sah solat.
- 46 Imam Nawawi, al-Azhar, Dar al-Sharqi al-Arabi, 170
- 47 Malam sepuluh terakhir bermula pada malam ke-21 Ramadhan.
- 48 Tafsir Ibnu Katsir, 4/529
- 49 *Tafsir Fakhru al-Razi*, 14/241
- 50 *Al-Majmu'*, 6/450
- 51 Al-Khatib al-Syarbini, *Mugni al-Muhtaj*, 2/111
- 52 ibid.
- 53 Ahmad Isa A'syur, *Al-Fiqh Al-Muyassar*, 140
- 54 Ahmad al-Khatib al-Syarbini, *Mugni al-Muhtaj*, 2/174
- 55 ibid.
- 56 *Al-Majmu'*, 6/414-416
- 57 *Mugni al-Muhtaj*, 2/172
- 58 Ibid.
- 59 *Al-Majmu'*, 6/419
- 60 *Al-Majmu'*, 6/420
- 61 *Mughni al-Muhtaj*, 2/ 184, *Nihayah al-Muhtaj*, 3 /208





PERCUMA
www.islam.gov.my

Dicetak daripada e-SiRAJ JAKIM
28-09-26 09:09:35